

Masyarakat perlu kerjasama

Bersama PDRM bagi mewujudkan persekitaran yang aman dan harmoni



Oleh YAP SIONG HAN & KENNEDY CORLLEUS
utusanborneokk@gmail.com

Masyarakat diingatkan bahawa tanggungjawab untuk mencipta persekitaran yang kondusif dan harmoni bukanlah tanggungjawab Polis Diraja Malaysia (PDRM) semata-mata.

Walaupun peranan utama PDRM adalah untuk berkhidmat demi keselamatan dan kesejahteraan awam, tetapi tanggungjawab sosial itu seharusnya turut dikongsi secara bersama di antara penguatkuasa undang-undang dan masyarakat Malaysia, khususnya di Sabah.

Oleh itu, Program Hari Kesedaran Jenayah Bersama Belia 2011 yang telah diadakan baru-baru ini merupakan satu di antara beberapa pendekatan tambahan bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat yang tepat tentang jenis bantuan yang boleh diperolehi selain tindakan yang sesuai jika menjadi mangsa kepada jenayah.

Program yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Yee Moh Chai, itu disertai oleh belia daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jabatan Belia dan Sukan Sabah serta belia dari sekitar Kota Kinabalu.

Dalam ucapan perasmian, Yee menyatakan pendekatan efektif dan proaktif yang diguna pakai oleh pihak polis dalam usaha memerangi jenayah telah mewujudkan satu persekitaran yang selamat di seluruh pelusuk negeri Sabah sekaligus menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

Katanya, program yang diadakan adalah sebagai satu mesej kepada rakyat bahawa jenayah sebenarnya boleh dicegah. "Dengan adanya



1MALAYSIA ... Saiful (kanan) dengan para belia dari Jabatan Belia dan Sukan melaungkan 1MALAYSIA 'Bebas Jenayah'.

program ini, diharapkan dapat memberikan informasi yang tepat tentang jenis bantuan yang boleh diperolehi selain tindakan yang sesuai jika menjadi mangsa kepada jenayah.

"Program ini juga adalah salah satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang menetapkan sasaran mengurangkan kadar jenayah jalanan sebanyak 20 peratus dan menurunkan kadar jenayah indeks sebanyak lima peratus," katanya.

Menurutnya, PDRM sebagai sebuah organisasi penguatkuasa undang-undang tidak berupaya memenuhi semua jangkaan masyarakat secara bersendirian.

Yee menyeru kepada semua masyarakat agar bersama-sama menjadikan perkonsian pintar itu sebagai satu budaya dalam kehidupan seharian demi memastikan lingkungan kehidupan yang aman dan sejahtera.

"Berikanlah kerjasama sepenuhnya kepada pihak keselamatan untuk membanteras jenayah," katanya.


Yee berkata, kadar jenayah di Sabah bagi bulan Januari hingga November 2011 telah menurun sebanyak 948 kes atau 13.49 peratus. Kota Kinabalu,



SERAH ... Hamza (tengah) menyerahkan sijil kepada salah seorang peserta sambil disaksikan oleh Tan (kiri).



BERIKRAR ... Bacaan ikrar generasi bebas jenayah oleh kumpulan Rakan Muda.



KETIBAAN ... (dari kiri) Abidin, Yee, Hamza dan Tan tiba di majlis yang diadakan.

penurunannya sebanyak 16.24 peratus atau 402 kes. Tambahnya, kejayaan itu menunjukkan gambaran bahawa pihak PDRM amat komited dalam memelihara ketenteraman awam. Sementara itu, Pesuruhjaya Polis

Sabah, Dato' Hamza Taib berkata perununan kadar jenayah di Sabah adalah hasil kerjasama daripada masyarakat negeri ini dalam usaha mengekalkan keamanan dan keselamatan.

Hamza berharap, dengan adanya kerjasama seperti itu, keamanan dapat dikekalkan di Sabah untuk selama-lamanya.

Katanya, pelbagai risalah

berkaitan dengan perihalan jenayah dan cara mengatasi jenayah akan diberikan secara percuma di program itu sebagai makluman kepada masyarakat tentang pencegahan jenayah.

"Dalam hal ini, kita mahu mendidik masyarakat tentang cara-cara mencegah jenayah, melindungi diri, ahli keluarga, harta benda serta tentang persekitaran

tempat tinggal dan tempat kerja yang didiami mereka agar sentiasa berada dalam keadaan yang selamat.

"Apabila masyarakat memahami keadaan ini, barulah mereka boleh bekerjasama dengan pihak polis untuk mencegah jenayah," jelasnya.



AMANAT ... YEE Berucap ketika majlis itu.

Manakala, seorang peserta dari UMS, Madlyn Ursulla, 24, berkata program itu baik kerana dapat mengetahui cara-cara mengelakkan diri daripada terlibat dengan jenayah dan juga mangsa kepada jenayah.

"Program yang diadakan oleh PDRM ini adalah baik untuk golongan belia dengan meluahkan masa dengan aktiviti berfaedah

dapat membantu belia menjauhkan diri daripada gejala jenayah.

"Program seperti ini wajar diadakan setiap tahun kerana maklumat-maklumat terperinci mengenai pencegahan jenayah boleh didapati terus daripada PDRM," katanya.

Tambahnya, PDRM harus mengadakan bengkel dan ceramah yang lebih



AMALAN HIDUP SIHAT ... Yee (tengah) dan Hamza (kiri) berbasikal ke majlis yang diadakan.

berbanding membuat sesuatu yang sebaliknya.

"Saya berpendapat bahawa kepelbagaian kempen perlu diadakan bagi melibatkan lebih ramai golongan belia dalam pencegahan jenayah," katanya.

Fasilitator dari Jabatan Belia dan Sukan Sabah, Mohd Saiful Mohd Ariff, 23, berkata program itu adalah satu pendekatan baik untuk melibatkan golongan belia.


"Selain ia dapat memberikan kesedaran kepada belia, ia juga

kerap kepada golongan belia bagi menyedarkan mereka betapa pentingnya menajauhi kegiatan jenayah.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Tan Kok Liang, wakil Pengerusi Yayasan Jenayah Malaysia (Sabah), Datuk Francis Yap, Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madingkir dan Ketua Polis Bandaraya Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Ahmad Sofi Zakaria.



MADLYN



KEJAR-MENGEJAR ... Aksi ini sebagai simbolik polis sedang mengejar penjenayah.



DIBERKAS ... Penjenayah diberkas oleh pihak Polis dengan bantuan anjing polis.



AKSI ... Sebahagian pertunjukan yang diadakan oleh PDRM. Kelihatan seorang wanita bergelut dengan tiga orang penjenayah.



HAMZA